

Headline	PASTIKAN HERBA DIPASARKAN SELAMAT		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	20 Apr 2018	Circulation	179,231
Section	Agro	Readership	537,693
Page No	46	ArticleSize	699 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 27,536
Journalist	Mohamad Hussin	PR Value	RM 82,609
Frequency	Daily		

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

**Industri** herba dikenal pasti sebagai salah satu sumber bagi pertumbuhan ekonomi negara di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Dasar Bioteknologi Negara turut menggariskan sektor pertanian herba sebagai salah satu inisiatif atau pemacu pertumbuhan bioekonomi negara.

Di bawah program ini, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan memberi penekanan ke atas aspek pembangunan dan pengeluaran produk herba yang selamat, berkualiti serta berkesan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) berperanan memastikan produk semula jadi yang dipasarkan selamat dan berkualiti untuk kegunaan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, pelbagai kajian dijalankan ke atas herba dan berdasarkan kajian berkenaan, beberapa herba dikenal pasti mempunyai kesan yang bermanfaat untuk digunakan atau dikomersialkan.

"Herba dapat membantu mengurangkan risiko penyakit, membantu melegakan simptom berkaitan penyakit dan mempunyai kesan terapeutik serta berpotensi digunakan untuk merawat penyakit."

"Sehubungan itu, satu kategori untuk pendaftaran produk herba yang mempunyai tuntutan terapeutik akan diwujudkan," katanya sempena majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod, Pengarah NPRA KKM Dr Ramli Zainal dan Pengarah Bahagian Hasilan Semula Jadi FRIM Dr Nor Azah Mohamad Ali.

MoU itu bertujuan mengadakan kerjasama antara KKM dan FRIM dalam memastikan produk tradisional atau bahan mentah herba yang dipasarkan di Malaysia berkualiti

# PASTIKAN HERBA DIPASARKAN SELAMAT

FRIM bimbing usahawan melalui pemindahan teknologi dalam bentuk kursus, latihan teknikal



Dr Abd Latif (kiri) dan Dr Noor Hisham bertukar dokumen MoU.



serta selamat digunakan.

Dr Noor Hisham berkata, kerjasama antara NPRA dan FRIM sudah lama terjalin terutama dalam pembangunan Monograf Herba Malaysia (MHM) sebelum NKEA diperkenalkan.

"Pembangunan MHM ini adalah usaha yang dilakukan secara sukarela dan membabitkan kerjasama beberapa institusi penyelidikan dan universiti tempatan bagi menghasilkan MHM yang mengandungi 69

spesies herba.

"Ia bagi memastikan MHM sebagai satu sumber rujukan yang komprehensif kepada pihak industri untuk mengawal kualiti bahan mentah herba ke arah penghasilan produk herba dan tradisional tempatan yang selamat serta berkualiti tinggi," katanya.

Sementara itu, Abd Latif berkata, dalam kerjasama ini, FRIM bertanggungjawab memberi pendedahan kepada industri tempatan



Herba dapat membantu mengurangkan risiko penyakit, membantu melegakan simptom berkaitan penyakit dan mempunyai kesan terapeutik serta berpotensi digunakan untuk merawat penyakit

## DR NOOR HISHAM

akan kepentingan ujian kawalan kualiti atas bahan mentah herba sebelum digunakan sebagai bahan aktif produk tradisional. "Ia juga menjalankan perkhidmatan ujian dan nasihat dalam ujian kawalan kualiti ke atas produk serta bahan mentah herba. Selain menjalankan validasi dan verifikasi terhadap ujian

kawalan kualiti yang dibangunkan.

"FRIM berusaha memberi bimbingan kepada usahawan herba bagi menghasilkan produk yang selamat dan berkesan melalui pemindahan teknologi dalam bentuk kursus, latihan teknikal serta perkhidmatan khususnya pemrosesan berdasarkan amalan pengilangan baik (GMP)."

"Ia termasuk perkongsian pintar melalui kolaborasi dengan pihak industri, akademik atau pihak berkepentingan daripada aspek teknologi piawai yang berkaitan dari peringkat huluhan ke hiliran dalam proses pengeluaran produk herba," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, seramai 275 usahawan herba sudah dilatih di bawah program anjuran Bahagian Hasilan Semula Jadi FRIM.

"Elemen kualiti perlu dikawal selia daripada peringkat huluhan ke hiliran iaitu bermula dari bahan mentah herba hingga penghasilan produk akhir."

"Ujian kawalan kualiti yang dijalankan FRIM merangkumi kontaminasi mirobial, had logam berat, keseragaman berat, pengecalan dan penyaringan bahan campur palsu," katanya.